

10/04/1997

Asia Timur mampu pertahan kejayaan

Haniff Hadi in Manama (Bahrain)

MANAMA (Bahrain), Rabu - Kejayaan negara di Asia Timur akan terus kekal walaupun tanpa kehadiran pemimpin yang ada sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pemimpin hanya memberi panduan dan yang memastikan kejayaan itu kekal adalah budaya dan etika kerja masyarakat timur dan Asia.

"Memanglah ada pemimpin yang mengemudi dan memacu usaha ke arah kejayaan itu. tetapi yang lebih penting ialah budaya dan etika kerja yang memastikan kejayaan. Jika kita mempunyai etika kerja yang betul, kita akan berjaya," katanya pada sidang akhbar sempena hari terakhir lawatannya ke Bahrain.

Sebelum ke Bahrain, Dr Mahathir mengadakan lawatan tiga hari di Kuwait dan akan berlepas ke Islamabad, Pakistan hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai apa akan jadi kepada kejayaan Asia jika pemimpin yang dinamik sekarang sudah tiada.

Beliau berkata, tidak ada keajaiban dalam mencapai kemakmuran dan kejayaan seperti yang digembar-gemburkan oleh Barat.

Katanya, orang Asia bekerja kuat serta gigih dan pemimpin adalah penggerak kejayaan yang boleh diganti oleh orang lain yang berupaya meneruskannya.

Perdana Menteri juga berkata, melabur dalam kemakmuran adalah lebih baik daripada melakukan perkara yang berkaitan dengan ketenteraan.

"Apa gunanya berperang jika kita boleh menang tanpa mengangkat senjata. Tumpuan kami bukanlah terhadap soal keselamatan semata-mata tetapi ingin melihat negara makmur kerana kemakmuran itu sendiri boleh menyumbang kepada kestabilan," katanya.

Beliau berkata, apabila Barat begitu sibuk menyatakan China adalah bakal musuh Asia, Malaysia tidak setuju.

Malaysia tidak mahu negara Asia bergabung untuk menentang China dan tidak mahu orang lain berulang-ulang mengingatkan kita mengenai bahaya dan ancaman China.

"Tiada siapa suka dilayan dan ditakrif begitu. Tentu China tidak suka dianggap sebagai musuh. China pun tahu bahawa adalah lebih baik ia melabur dalam kemakmuran daripada mewujudkan krisis dan perang," katanya.

Kata Dr Mahathir, tanpa berperang, China boleh menjadi kuasa besar dan ekonomi yang mantap kerana rakyatnya seramai 1.2 bilion bukan saja rajin malah mahir dan pintar.

"Jadi, kenapa perlu berperang jika anda boleh menang tanpa ke medan perang," soal beliau.

Katanya, pepatah ada menyebut, jika kita mahu keamanan, kita mesti bersiap untuk perang, tetapi jika bersiap untuk berperang, maka peperangan akan berlaku.

"Untuk mencari bakal musuh seperti yang ditaja oleh Amerika Syarikat terhadap China tentulah tidak wajar," katanya.

(END)